

19/06/1997

Malaysia berikrar sokong Lebanon

BEIRUT, Rabu - Malaysia melahirkan sokongan kepada Lebanon terhadap pencerobohan Israel dan berikrar untuk berusaha pada forum antarabangsa bagi memastikan pengunduran tentera Israel dari wilayah di selatan Lebanon.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebagai negara yang pernah dilanggar oleh tentera Jepun, Malaysia bersimpati dan memahami perasaan rakyat Lebanon.

"Malaysia akan membantu, bukan melalui peperangan tetapi melalui saluran diplomatik," katanya ketika melawat bandar raya pelabuhan Sidon, kira-kira 50 kilometer dari sempadan di selatan Lebanon yang kini diduduki tentera Israel.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada jamuan tengah hari meraikan beliau oleh Gabenor Sidon, Bahia Hariri, yang juga saudara perempuan kepada Perdana Menteri Rafic Hariri.

Sidon, tempat kelahiran Rafic Hariri terselamat daripada pencerobohan Israel dan kini menjadi pusat peranginan laut yang popular di kalangan rakyat tempatan.

"Tetapi anda masih boleh mendengar bunyi tembakan dan pengeboman di selatan. Mereka (Israel) cuba membina penempatan Yahudi di kawasan itu," kata seorang pegawai Lebanon, di sini.

Dr Mahathir juga menyatakan pendirian Malaysia mengenai isu itu apabila beliau mengadakan pertemuan secara peribadi dengan Hariri di sini sebelumnya.

Bercakap kepada pemberita mengenai pertemuan itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, kedua-dua pemimpin sependapat bahawa proses damai di Asia Barat tidak mungkin tercapai selagi Perdana Menteri Benjamin Netanyahu memimpin rejim Israel.

"Kedua-dua pemimpin mengakui selagi Netanyahu memimpin Israel, tidak nampak tanda tercapainya keamanan di Asia Barat kerana pemimpin Yahudi itu tidak menghormati perjanjian damai Israel-Palestin yang diusahakan oleh pemimpin sebelumnya," kata Abdullah.

Walaupun beberapa kereta kebal kelihatan serta kehadiran pos kawalan tentera Syria di tempat tertentu berhampiran Sidon, proses membangunkan Sidon rancak dilaksanakan dengan pembinaan lebuh raya dan pangsapuri tebing bukit menghadap Laut Mediterranean.

Tentera Syria adalah sekutu rapat Lebanon terutama ketika perang saudara pada 1975 dan juga ketika serangan Israel terhadap khemah pelarian Palestin di Lebanon. - Bernama

(END)